



JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (2) November 2021 (020-032)

Aplikasi Teknologi dan Motivasi dalam Kemahiran Berbahasa Melayu untuk Penutur Asing

Juwairiah Osman
juwairiahosman@gmail.com
Universiti Malaysia Pahang

Mardian Shah Omar
mardianso@um.edu.my
Universiti Malaya

Tarikh terima : 26 Ogos 2021
Received
Terima untuk diterbitkan : 5 September 2021
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2021
Published online

Abstrak

Bahasa Melayu untuk penutur asing merupakan satu kursus yang diwajibkan kepada semua pelajar antarabangsa di universiti awam dan swasta. Kursus ini juga dipelajari oleh penutur asing dalam bentuk kursus pendek oleh tenaga pengajar profesional. Pelbagai strategi pembelajaran dan kaedah penyampaian ilmu yang dilakukan oleh tenaga pengajar bagi memastikan pembelajaran bahasa asing ini bersifat interaktif dan tidak membosankan. Antara strategi yang digunakan pada masa kini adalah pendekatan teknologi. Tujuan kajian ini adalah membincangkan aplikasi teknologi dalam kemahiran berbahasa Melayu untuk penutur asing dan pelajar antarabangsa. Seramai 23 responden terlibat dalam kajian ini, iaitu 20 orang pelajar antarabangsa dan 3 orang penutur asing. Model Kolb (1984) terdiri daripada empat gaya pembelajaran, iaitu pemerhatian reflektif, konseptual abstrak, eksperimen efektif dan pengalaman konkrit. Namun, bagi kajian ini pengkaji hanya memfokuskan pada gaya pembelajaran dalam aspek pengalaman konkrit (Model Kolb). Skop kajian akan tertumpu pada latihan kemahiran berbahasa dan motivasi yang mendorong penutur asing ini untuk menguasai bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan aplikasi teknologi dan motivasi dalam latihan kemahiran berbahasa Melayu untuk penutur asing memberikan kesan yang baik dalam hasil pembelajaran.

Kata kunci: Bahasa Melayu, penutur asing, Model Kolb, teknologi, motivasi

Technology and Motivation in Malay Proficiency for Foreign Speakers

Abstract

Malay for foreign speakers is a course that is compulsory for all international students at public and private universities. The course is also studied by foreign speakers in the form of short courses by professional instructors. Various learning strategies and methods of knowledge delivery performed by the teaching staff to ensure that the learning of a foreign language is interactive and not boring. Among the strategies used today is the technological approach. The purpose of this study is to discuss the application of technology in the Malay language skills for foreign speakers and international students. A total of 23 respondents were involved in this research, namely 20 international students and 3 foreign speakers. Kolb's (1984) Model consists of four learning styles, namely reflective observation, abstract conceptual, effective experimentation and concrete experience. However, for this research the researcher only focused on learning style in the aspect of concrete experience (Kolb Model). The scope of the study will be focused on training proficiency and motivation that encourages foreign speakers to master the Malay language. The results showed that the application of

technology and motivation in the Malay language proficiency training for foreign speakers give a good impression in the learning outcomes.

Key words: Malay language, foreign speakers, Model Kolb, technology, motivation

1. Pengenalan

Pendekatan teknologi dan motivasi dalam pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing merupakan dua kaedah yang saling berkait. Hal ini disebabkan dorongan pelajar atau penutur asing untuk menguasai bahasa Melayu perlulah bersifat interaktif dan sesuai dengan peredaran pendidikan masa kini. Menurut Yahya Othman (2007), penggunaan komputer dalam pengajaran bahasa menjadi indikator dalam mempengaruhi penguasaan kemahiran bahasa pelajar. Dalam pembangunan teknologi, sektor pendidikan harus sentiasa mengikut arus perdana dan memanfaatkan segala elemen yang bersesuaian demi menghasilkan pembelajaran yang mudah dan mencapai objektif. Teknologi telah dibuktikan dapat meningkatkan produktiviti dan motivasi dalam pengajaran yang lebih unik dan berliterasi maklumat (Roblyer & Schwier, 2003). Pembelajaran merangkumi kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan menulis dan termasuk juga aspek budaya. Mardian Shah Omar et al. (2017) antara aspek yang utama membantu pemahaman penutur asing terhadap bahasa Melayu adalah melalui pengajaran yang bersifat interaktif dengan berasaskan budaya. Sehubungan itu, setiap elemen dalam pembelajaran memerlukan sentuhan yang proaktif dan kreatif daripada tenaga pengajar bagi memastikan kursus ini dilaksanakan secara serius.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing dan pelajar antarabangsa, penekanan pada aplikasi teknologi dan motivasi yang optimum dari segala aspek sangat perlu kerana para pelajar ini datang dari pelbagai negara termasuklah Eropah, Timur Tengah, Nusantara dan pelbagai lagi. Hal ini bagi memastikan pembelajaran bahasa menggunakan pendekatan yang mudah diakses, senang difahami dan tidak membosankan. Tenaga pengajar sama ada guru atau pensyarah perlu memikirkan kedua-dua aspek ini dengan sebaiknya. Berdasarkan Model Kolb dalam gaya pembelajaran pengalaman konkrit menunjukkan pelajar sangat memerlukan situasi yang memberi mereka pengalaman untuk cenderung menghayati sesuatu ilmu. Maka, dalam bahasa Melayu untuk penutur asing, setiap penutur ini perlu diberi ruang bertutur dalam bahasa Melayu secara konkrit. Maknanya, pelajar memerlukan kemudahan aplikasi teknologi bagi memotivasikan mereka untuk merakamkan perbualan dalam latihan kemahiran bertutur bahasa Melayu.

Menurut Hasmidar Hassan et al. (2018) dalam pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing perlu diajar dengan teliti khususnya dalam aspek proses pengimbuhan kerana tidak dapat memadankan kata antara bahasa Melayu dan bahasa ibundanya. Dalam keempat-empat kemahiran berbahasa yang diajar oleh guru kepada penutur asing, aspek kemahiran menulis dan bertutur adalah yang paling mencabar. Justeru kreativiti dalam menggunakan teknologi amat mustahak bagi menjadikan proses pembelajaran dapat ditangani dengan interaktif dan menarik.

Permasalahan Kajian

Masalah dalam bahasa Melayu untuk penutur asing ialah motivasi pelajar yang sering turun naik disebabkan bahasa yang dipelajari adalah bahasa baharu. Menurut Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria (2019) motivasi pembelajaran bahasa Melayu adalah tahap yang boleh berubah-ubah dari semasa ke semasa disebabkan pelbagai faktor. Menurut Siti Saniah Abu Bakar (2013) motivasi menjadi kekangan dalam penguasaan bahasa Melayu kepada penutur asing. Maka, pendekatan teknologi merupakan satu kaedah yang dapat menarik minat pelajar agar motivasi dapat diterapkan secara berterusan.

Aplikasi teknologi yang digunakan dalam bahasa Melayu untuk penutur asing antaranya ialah video dalam *Youtube*, *Google Images* dan pelbagai laman sesawang yang berkaitan (Mardian Shah Omar dan Mashrom Muda (2019). Junaini Kasdan et al. (2018) menggunakan kit video pembelajaran dalam mendekati penutur asing dengan cara yang lebih berkesan. Namun, dalam kajian ini, pengkaji

akan memfokuskan pada pendekatan teknologi yang menggunakan medium yang berlainan, sesuai dengan objektif bagi memotivasikan pelajar secara konsisten dan sesuai dengan situasi pandemik masa kini.

Objektif Kajian

Kajian ini akan mengkaji tentang aplikasi teknologi dan motivasi dalam memastikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing berkesan dan mencapai objektif kursus yang telah ditetapkan. Objektif kajian secara khusus adalah seperti berikut.

- i. Menganalisis penggunaan teknologi dan motivasi dalam bahasa Melayu untuk penutur asing.
- ii. Membincangkan aplikasi teknologi dan motivasi dalam mencapai keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing berdasarkan Model Kolb dalam aspek pengalaman konkrit.

2. Bahasa Melayu untuk Penutur Asing

Mardian Shah Omar dan Mashrom Muda (2019) telah mengkaji tentang pendekatan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. Kajian ini telah membincangkan penggunaan telefon pintar dan internet dalam memudahkan pelajar memahami dan mengingat kosa kata dalam perbualan. Kajian oleh Cho Minsung dan Puteri Roslina Abdul Wahid (2013) yang mengkaji tentang bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan para pelajar Korea di HFSU (*Hankuk University of Foreign Studies*). Kajian ini membincangkan strategi komunikasi tertentu yang membantu dalam penguasaan bahasa Melayu. Zaliza Mohamad Nasir (2015) telah menyelidik aspek sintaksis dan morfologi yang dipelajari oleh pelajar antarabangsa.

Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli (2018:125) mengkaji motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam kalangan pelajar asing. Hal ini disebabkan pelajar mempelajari bahasa Melayu disebabkan faktor dalaman mereka yang benar-benar meminati bahasa Melayu. Zeckqualine Melai dan Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin (2017) membincangkan tentang strategi pengajaran yang melibatkan aplikasi teknologi seperti video, audio, kuiz dan permainan dalam talian dan bukan talian yang memberi faktor berjaya atau tidak dalam kursus bahasa Melayu untuk penutur asing. Dalam kajian-kajian ini menunjukkan tenaga pengajar menggunakan pelbagai kaedah, tetapi kelompangan kajian yang dilihat ialah aplikasi teknologi yang sering digunakan dalam era pengajaran masa pandemik tidak lagi dikupas. Maka, kajian ini ingin membincangkan aplikasi teknologi dengan perisian-perisian tertentu.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Model Kolb, iaitu model yang akan digunakan dalam perbincangan aspek kajian. Model Kolb terbahagi kepada empat gaya pembelajaran, iaitu pemerhatian reflektif, konseptual abstrak, eksperimen afektif dan pengalaman konkrit. Namun, dalam kajian ini hanya pengalaman konkrit yang akan diaplikasikan dalam perbincangan dapatan kajian. Aspek motivasi yang akan dilihat dalam kajian ini ialah motivasi secara lisan dan motivasi secara bukan lisan.

Kajian ini akan menggunakan kaedah soal selidik dengan menggunakan skala 1 hingga 10 dan peratusan. Mohd Majid (2005) menyatakan bahawa kajian yang mengaplikasikan kaedah soal selidik dapat menunjukkan fakta, kehendak dan memperoleh kobohepercayaan. Dalam pengalaman konkrit yang dipilih, pengkaji akan menekan aspek teknologi dan motivasi. Ini termasuklah aplikasi teknologi yang diguna pakai oleh tenaga pengajar dari awal hingga akhir semester berlangsung.



Rajah 1: Pengalaman Konkrit (Model Kolb) dalam Pembelajaran Bahasa

Model Kolb dalam kajian ini akan memfokuskan pada tempoh pandemic Covid-19, iaitu bermula pada semester 1 dan 2 tahun 2020 dan semester 1 dan 2 tahun 2021. Kajian ini akan mengaplikasikan tiga aspek secara rawak dalam perbincangan dan analisis, iaitu adaptasi, pengalaman baharu dan motivasi. Hal ini bermaksud adaptasi teknologi dan pengalaman baharu yang direka bentuk oleh pengajar bagi memastikan objektif dan hasil pembelajaran tercapai akan dilihat pada kesan motivasi, minat dan kesungguhan pelajar asing.

Persampelan Kajian

Kajian ini akan menggunakan borang soal selidik kepada 23 orang responden. Ia terdiri daripada 20 orang pelajar antarabangsa dari pelbagai negara dan 3 orang penutur asing yang juga berasal dari negara yang berbeza dan merupakan golongan profesional yang mempelajari bahasa Melayu melalui kursus pendek. Tenaga pengajar yang menjalankan kajian ini adalah guru bahasa Melayu di Universiti Malaysia Pahang.

Jadual 1: Bilangan Responden Pelajar Antarabangsa

Bil.	Pelajar Antarabangsa	Jumlah
1.	Yemen	10
2.	Pakistan	1
3.	Egypt	1
4.	Libya	1
5.	Tanzania	1
6.	Bangladesh	2
7.	China	2
8.	Somali	1
9.	Mozambique	1


Jadual 2: Bilangan Responden Penutur Asing

Bil.	Penutur Asing	Jumlah
1.	Sudan	1
2.	Jepun	1
3.	Iraq	1

4. Dapatan Kajian

Kajian ini akan membincangkan tentang aplikasi teknologi dan motivasi yang digunakan oleh tenaga pengajar di Universiti Malaysia Pahang dalam mendekati pelajar dengan kaedah yang lebih interaktif. Aplikasi teknologi yang diuraikan ini telah dapat menaikkan motivasi penutur asing. Setiap aplikasi dijalankan untuk topik yang berlainan menerusi silibes bahasa Melayu kepada penutur asing yang telah ditetapkan. Hal ini termasuklah topik perbualan kelas, kafeteria, perpustakaan, kawasan sekitar kampus, luar kampus dan perbualan harian yang mudah.

Bagi kursus jangka pendek kepada penutur asing dalam kalangan profesional, silibes adalah hampir sama dengan kandungan kursus pelajar antarabangsa. Namun, ia sedikit berbeza terutama tentang domain tempat perbualan. Domain perbualan lebih pada situasi di pejabat, kawasan persekitaran tempat kerja dan berkaitan dengan perbualan dalam pengurusan. Perbualan adalah perbualan asas yang merangkumi kosa kata yang sering digunakan dan mudah untuk diujarkan. Aplikasi teknologi yang digunakan adalah seperti berikut.



Rajah 2: Pengalaman Konkrit Berdasarkan Model Kolb dalam Penerapan Teknologi dan Motivasi

Petunjuk:


Kaedah 1 – Video Rakaman

Kaedah 2 – Video Power Point

Kaedah 3 – Video Google Meet

Kaedah 4 – Kumpulan Whatsapp

Dalam keempat-empat aplikasi teknologi ini, pengkaji menggunakan kesemuanya dalam sesi pembelajaran. Namun, bagi pentaksiran aplikasi tertentu sahaja yang dimanfaatkan mengikut kecenderungan pelajar dan yang paling mudah diakses oleh mereka. Empat aplikasi teknologi ini digunakan dengan sebaik-baiknya dalam sesi pembelajaran dalam talian bagi memudahkan pelajar konsisten dalam penyampaian ilmu. Hal ini juga memastikan motivasi pelajar kekal berterusan kerana kaedah pengajaran yang santai, mudah, cepat, jimat dan tidak membosankan.



Graf 1: Peningkatan Motivasi dalam Pendekatan Aplikasi Teknologi Bahasa Melayu untuk Penutur Asing

Perbincangan 1

Dapatan kajian menunjukkan proses pembelajaran melalui memberi pengalaman secara konkrit dengan meminta pelajar atau penutur asing ini menyediakan video rakaman membantu pelajar agar lebih serius dan gembira dalam melakukan latihan pertuturan. Seramai 20% orang memberi skala 5 hingga 10, 10% orang memberi skala 2 hingga 4 dan 0.3% memberi skala 1. Video rakaman ini sama ada pelajar menggunakan menu rakaman video yang terdapat dalam telefon pintar, komputer riba atau sebagainya yang membolehkan pelajar merakam video aktiviti pengajaran yang dibimbing oleh guru secara spontan atau terancang pada bila-bila masa. Video rakaman ini biasanya adalah video pendek kurang daripada 5 minit atau paling maksimum durasinya adalah 10 minit. Motivasi dilihat pada 35% melalui lisan dan bukan lisan semasa sesi pembelajaran dijalankan.

Jadual 3: Statistik bagi Aplikasi Teknologi Video Rakaman

	Sangat Tidak Setuju Skala 1Sangat Setuju Skala 10										
Item	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	S9	S10	(%)
Kaedah 1	0.1	0.1	0.1	0.1	4.0	2.0	2.0	5.0	2.0	5.0	

Motivasi ini bukan sahaja dilihat dalam suasana pembelajaran aktiviti, malah yang lebih utama adalah dalam pentaksiran yang dibuat. Apabila pelajar diminta menyediakan video rakaman dalam bentuk perisian yang diminati, maka mereka akan melakukan dengan baik. Hal ini berbeza dengan merakam audio sahaja, di mana pelajar sekadar membaca dan tidak serius dalam usaha untuk memahami makna perkataan dan ayat yang ditulis. Dengan rakaman video, pelajar menjadi lebih bersungguh-sungguh dan teruja untuk melakukannya dengan terbaik kerana mereka mahu dilihat baik dalam bahasa badan dan pertuturan yang diujarkan. Pada aktiviti tertentu, tenaga pengajar akan

menunjukkan video rakaman tersebut dalam sesi kelas berlangsung. Hal ini membuatkan pelajar berasa lebih bermotivasi dan berpuas hati apabila melihat hasil kerja mereka dipertontonkan. Justeru, video rakaman dapat memotivasikan pelajar dan penutur asing untuk mempelajari bahasa Melayu.

Perbincangan 2

Proses pembelajaran seterusnya, iaitu yang kedua ialah aplikasi teknologi dalam penyediaan video Power Point yang juga dirakam oleh pelajar. Seramai 30% orang memberi skala 5 hingga 10, 6% orang memberi skala 2 hingga 4 dan 0.1% memberi skala 1. Video ini dirakam melalui Microsoft Power Point dengan perisian terkini versi 2019 dalam merakam tugas dan aktiviti perbualan yang diminta oleh guru. Walau bagaimanapun pada peringkat ini bagi meningkatkan motivasi guru memberi tajuk bebas, iaitu mana-mana tajuk dalam kandungan kursus semasa melakukan rakaman untuk aktiviti mingguan. Hal ini memberi pengalaman konkrit dan meningkatkan motivasi pelajar pada 40%. Dalam konteks tajuk bebas ini adalah pelajar antarabangsa dan penutur asing dalam kalangan profesional ini akan diberi senarai tajuk yang terdapat dalam kandungan kursus.

Jadual 4: Statistik bagi Aplikasi Teknologi Video Power Point

Item	Sangat Tidak Setuju ← → Sangat Setuju										Skala 1	Skala 10
	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	S9	S10	(%)	
Kaedah 2	0.1	3.0	0.0	3.0	3.0	2.0	5.0	5.0	4.0	11.0		

Tajuk tersebut ialah bunyi dan sebutan, nombor, memperkenalkan diri, memperkenalkan ibu bapa dan keluarga, kawan saya, perbualan dan petikan di kelas, perbualan dan petikan di kafeteria atau restoran, perbualan dan petikan di asrama, perbualan dan petikan tentang tempat-tempat menarik, perbualan dan petikan tentang persekitaran kampus, perbualan dan petikan mengenai persekitaran tempat kerja serta perbualan harian yang berkait rapat dengan kehidupan seorang mahasiswa dan golongan profesional. Tenaga pengajar atau guru ini akan meminta penutur asing memilih salah satu topik untuk merakam video perbualan atau petikan untuk tugas atau pentaksiran. Tenaga pengajar amat yakin apabila dalam satu-satu situasi penutur asing perlu diberikan kebebasan memilih topik yang dikuasai dan diminati bagi mereka menyerlahkan sejauh mana kosa kata yang diingat dan mempamerkan tahap kebolehan dalam membina ayat mudah dan ringkas. Hal ini cukup mendapat sambutan penutur-penutur asing ini kerana di sinilah mereka dapat mengetengahkan bakat dan kebolehan bertutur bahasa asing (bahasa Melayu) mengikut tahap pemerolehan bahasa masing-masing. Meskipun begitu, topik bebas ini hanya pada satu-satu situasi kerana kebanyakan topik adalah sangat perlu dibimbing oleh guru mengikut kandungan kursus bagi mencapai standard kebolehan berbahasa Melayu yang digariskan. Standard kebolehan berbahasa Melayu yang standard sangat penting dalam penyelarasan kaedah pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing (Mazlina Ahmad, 2021).

Fenomena pandemik Covid-19 telah menggesa tenaga pengajar mengadakan sesi pembelajaran secara dalam talian. Video Power Point yang direkod dan diberikan kepada guru sangat merangsang penutur asing untuk belajar. Hal ini telah membantu guru dalam memastikan pelajar mendapat motivasi yang konsisten dalam mempraktikkan ujaran bahasa Melayu.

Perbincangan 3

Aplikasi teknologi yang memberi kesan pada motivasi pelajar adalah pembelajaran secara segera bersama guru melalui pembelajaran dalam talian menggunakan aplikasi Google Meet. Seramai 15% orang memberi skala 5 hingga 10, 10% orang memberi skala 2 hingga 4 dan 0.5% memberi skala 1. Faktor ini sangat mustahak kepada pelajar kerana tanpa pembelajaran secara segera, pelajar tidak

mendapat panduan sepenuhnya dan tidak dibimbing dengan baik dalam asas perbualan dari sebutan vokal dan konsonan, ayat tunggal, ayat majmuk, golongan kata dalam asas morfologi dan pembinaan ayat yang mengandungi koheren dan kohesi yang sewajarnya. Walaupun pelajar hanya mempelajari asas perbualan, namun asas tatabahasa mudah, iaitu panduan membina ayat dan pendedahan ayat-ayat perbualan ringkas perlu diterangkan secara video dalam Google Meet.

Jadual 5: Statistik bagi Aplikasi Teknologi Video Google Meet

Item	Sangat Tidak Setuju ← Skala 1 —————→ Skala 10 Sangat Setuju										S10 (%)
	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	S9	S10	
Kaedah 3	0.5	3.0	5.0	2.0	0.0	1.0	2.0	5.0	2.0	5.0	

Google Meet adalah satu medium dalam talian yang sering digunakan oleh sebahagian besar tenaga pengajar pada musim pandemik ini. Guru dapat menunjukkan pembinaan ayat mudah dan membuat aktiviti berbaasa bagi menaikkan semangat, motivasi dan kefahaman pelajar asing berbanding hanya dengan membiarkan pelajar membaca nota sahaja. Sememangnya pembelajaran bahasa memerlukan inspirasi dan kelas dalam talian secara segerak bagi memudahkan pemahaman yang terbaik. Pembelajaran secara tidak segerak hanyalah sebagai sokongan. Antara aktiviti yang dapat ditunjukkan adalah menonton filem atau drama bahasa Melayu. Dalam kelas ini, penyelidik sendiri telah membangunkan video-video perbualan yang mengandungi sebutan bahasa Melayu dan topik perbualan bahasa Melayu. Menurut Roslina Mamat et al. (2021) penonton pelajar dalam filem, drama dan anime mempengaruhi pembinaan frasa dan kata. Video sebutan dan pembinaan ayat mudah adalah seperti berikut:

Perbualan (ayat aktif) dengan menggunakan ayat mudah bersama guru melalui Google Meet dan secara segerak:

Situasi 1

Guru: Awak semua sudah makan?

Penutur asing: Sudah, Puan.

Guru: Awak makan apa?

Penutur asing: Saya makan nasi dan sup ayam.

Guru: Minum?

Penutur asing: Limau ais.

Situasi 2

Guru: Awak sudah selesai buat latihan ini?

Ammar (penutur asing): Belum, Puan.

Guru: Awak tidak faham?

Ammar: Ya, Puan. Saya tidak faham soalan nombor sepuluh.

Guru: Jom saya tunjukkan.

Situasi 3 (ayat penyata):

Saya (frasa nama) **dari** (frasa sendi nama) kelas.

Saya dari kelas.

Kawan saya (frasa nama) pergi **ke**(frasa sendi nama) kelas.

Kawan saya pergi ke kelas.



Video yang dihasilkan oleh guru bagi meningkatkan motivasi pelajar asing:



Ayat yang digunakan dalam perbualan melalui Google Meet adalah ayat mudah yang menggunakan kata terbitan yang minimum dan apabila perlu sahaja. Dalam situasi 2, “Saya tidak faham” digunakan agar memudahkan sebutan pelajar dengan kosa kata atau kata akar sahaja. Berbanding dengan ayat “Saya tidak memahami” yang memerlukan pelajar asing memahami imbuhan. Bagi penutur asing tahap asas, ayat dengan kata terbitan minimum adalah paling sesuai. Namun, bagi pelajar asing yang sudah tahap lanjutan boleh diaplikasikan kata terbitan dengan kadar yang sesuai. Selain itu, menggunakan kata tanya di akhir ayat bagi menunjukkan perbualan sebenar oleh penutur natif dalam komunikasi harian. Begitu juga dengan penggunaan ayat yang tidak menggunakan kata tanya tetapi hanya melalui tanda soal yang lebih mudah dipraktikkan dalam perbualan seharian. Nada turun menandai kelengkapan tuturan, manakala nada naik menandai ketidaklengkapan tuturan serta setiap intonasi mempunyai makna yang tersendiri (Kunjana Rahardi, Yuliana Setyaningsih, Rishe Purnama Dewi dan Danang Satria Nugraha (2020). Hal ini selaras dengan nada bunyi dalam ayat pertanyaan seperti situasi 2, iaitu “Awak tidak faham?”, yang mana guru menggunakan intonansi pertanyaan tanpa kata tanya seperti apa, di mana, siapa, kenapa dan sebagainya.

Video rakaman harus dirakam semasa sesi bergerak dan diberi rakamannya kepada pelajar. Hal ini bagi proses pengulangan dan pengukuhan untuk pelajar menonton perbualan antara guru dan pelajar. Guru boleh menggunakan medium lain juga seperti Zoom, Webex dan sebagainya. Motivasi pelajar meningkat 50% secara lisan dan bukan lisan dalam fasa ini apabila dilihat pelajar semakin bersemangat dan berkeyakinan untuk bertutur dengan guru.

Perbincangan 4


Pembelajaran secara dalam talian melalui kumpulan Whatsapp (*Whatsapp Group*) sangat penting apatah lagi dalam masa pandemik yang memerlukan komunikasi berterusan, cepat dan mudah. Seramai 18% orang memberi skala 5 hingga 10, 8% orang memberi skala 2 hingga 4 dan 0.2% memberi skala 1. Medium ini sangat rapat dengan pelajar dan penutur asing dalam melakukan perbualan bersama guru. Kaedah ini memudahkan pelajar mendapat kosa kata yang baharu dengan mudah dan cepat. Apatah lagi dengan elemen yang terdapat dalam Whatsapp dari segi audio, video dan pelbagai tetapan yang semakin canggih dalam menyimpan data untuk proses pembelajaran secara berulang-ulang di mana-mana sahaja. Motivasi meningkat 80% dalam aplikasi teknologi ini.


Jadual 6: Statistik bagi Aplikasi Teknologi Kumpulan Wahtsapp

	Sangat Tidak Setuju Skala 1 ←————→ Sangat Setuju Skala 10										
Item	S1	S2	S3	S4	S5	S6	S7	S8	S9	S10	(%)
Kaedah 4	0.2	1.0	2.0	5.0	1.0	2.0	0.0	3.0	7.0	5.0	

Kelas diadakan secara segerak dan tidak segerak melalui kumpulan Whatsapp ini. Kelas secara segerak ini adalah dengan melakukan panggilan video pada kumpulan yang lebih kecil, iaitu antara 3-4 orang. Kelas secara tidak segerak pula adalah dengan melaksanakan perbualan mengenai satu-satu topik atau interaksi perbualan lisan untuk satu-satu aktiviti pembelajaran bahasa. Hal ini mengukuhkan motivasi pelajar secara intralinguistik dan ekstralinguistik. Intralinguistik ialah pendekatan pembelajaran bahasa melayu internal bahasa dengan menulis sesuatu kosa kata dan ayat. Norliza Jamaluddin (2009) menyatakan bahawa intralinguistik adalah satu unsur internal bahasa atau bahasa dalaman yang berkaitan dengan aspek linguistik, iaitu seperti fonologi, morfologi dan sintaksis. Rohaidah Kamaruddin, Nurul Ain Ahmad, Mastura Kamaruddin dan Zuraini Seruji (2018) mengatakan bahawa faktor ekstralinguistik, iaitu motivasi instrumental dan motivasi integratif mampu mempengaruhi tahap kebolehan berbahasa pelajar asing dalam bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam bentuk lisan (tulisan melalui aplikasi yang digunakan) dan bentuk bukan lisan (bahasa badan melalui aplikasi secara langsung yang diadakan).

Dalam konteks pembelajaran bahasa melalui kumpulan Whatsapp ini, tenaga pengajar dapat mendedahkan pelajar asing ini dengan tatabahasa yang mudah dan asas sesuai dengan tahap mereka. Tenaga pengajar juga dapat melihat jika berlaku pembinaan ayat oleh pelajar yang tidak mencuba untuk menggunakan kosa kata dan ayat mudah seperti yang diajarkan. Hal ini disebabkan pelajar dikenal pasti menggunakan bantuan terjemahan luar yang mana tidak seperti yang diajari guru. Contohnya penggunaan kata terbitan yang agak panjang dan tidak ada dalam kandungan topik semasa pengajaran dilakukan. Tenaga pengajar mengajar ayat dalam topik “penyakit” seperti “Saya sakit leher”, namun pelajar apabila menjawab latihan yang diberikan ia memberi ayat yang tidak sama malah mempunyai imbuhan, iaitu “Saya mengalami sakit leher”. Hal ini biasa berlaku pada masa tertentu. Situasi ini memerlukan komunikasi dalam Whatsapp secara kerap bagi mengingatkan pelajar agar meminimumkan atau menggunakan kata terbitan pada ayat tertentu yang perlu sahaja. Antara paparan tangkap layar kumpulan Whatsapp dalam perbincangan latihan, komunikasi tidak segerak, perbualan santai dan sebagainya sepanjang tempoh pandemik Covid-19 (pembelajaran secara dalam talian) ini adalah seperti berikut:





Rajah 3: Tangkap Layar Kumpulan Whatsapp dalam Pembelajaran Bahasa

Motivasi dalam medium ini meningkat paling tinggi kerana setiap hari pelajar berkomunikasi melalui Whatsapp Group, maka ini memudahkan mereka mempelajari kosa kata yang sama dan berlainan setiap hari dengan berbual-bual bersama guru dan rakan sekelas. Dalam medium ini juga guru menjemput rakan daripada penutur natif bagi merangsang penutur asing ini untuk berkomunikasi dengan kontak penutur natif. Dalam kajian Zaliza Mohamad Nasir (2015) kelemahan pelajar dalam membina ayat dan mengujarkannya adalah disebabkan tiada kontak perbualan yang merangsang mereka untuk bertutur. Dalam medium ini, terdapat juga pelbagai tetapan yang mudah diakses sama ada secara segarak mahupun tidak segerak. Meskipun, medium ini kelihatan biasa, namun dalam kajian ini, ia telah menunjukkan rangsangan motivasi yang sangat positif. Maka, tenaga pengajar harus memanfaatkan kumpulan Whatsapp dengan serius dan sewajarnya. Hal ini termasuklah aplikasi merekod suara dan sebutan kosa kata, merakam ayat perbualan, menulis ayat mudah, berkongsi gambar, menunjukkan dokumen infografik, menonton pautan video, menghubungi secara video mahupun perbualan bersama guru mengikut topik aktiviti harian.

5. Kesimpulan

Aplikasi teknologi yang telah dibincangkan menunjukkan bahawa aplikasi teknologi dapat menaikkan motivasi pelajar dan penutur asing secara berterusan. Motivasi ini seterusnya dapat menaikkan keinginan dalaman pada diri pelajar tersebut untuk terus mempraktikkan bahasa Melayu seterusnya menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Kaedah ini berjaya menarik minat sebahagian besar pelajar asing apabila mereka dilihat terus mempraktikkan pertuturan dan penulisan bahasa Melayu melalui komunikasi dengan tenaga pengajar dan rakan-rakan di Malaysia. Kajian ini mengharapkan pengkaji akan datang dapat mengupas dengan lebih lanjut tentang keperluan teknologi terkini dan hubungannya dengan aspek intralinguistik (internal bahasa seperti binaan ayat), esktralinguistik (bahasa badan, faktor situasi dan sebagainya) serta motivasi khususnya perisian-perisian tertentu dalam memastikan kursus bahasa Melayu kepada penutur asing kekal diminati dan berkesan dalam hasil pembelajaran. Pembelajaran bahasa dalam fenomena Covid-19 sangat mencabar bagi semua pengajar khususnya tenaga pengajar bahasa Melayu kepada penutur asing yang dibincangkan ini. Apatah lagi rata-rata pelajar berada di negara masing-masing. Pendekatan rakaman video, video power point, kelas Google Meet dan kumpulan Whatsapp perlu digunakan secara optimum dan sebaik-baiknya agar objektif dan hasil pembelajaran tercapai meskipun dalam bentuk pembelajaran bahasa secara dalam talian. Dalam kajian ini telah menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa secara dalam talian dengan aplikasi teknologi berkesan meningkatkan motivasi pelajar asing walaupun ia lebih mencabar daripada pembelajaran bahasa secara fizikal seperti sebelum fenomena Covid-19. Tenaga pengajar perlu mempunyai keyakinan dan kepercayaan yang tinggi bahawa meskipun kursus ini ada ketika dianggap oleh segelintir pihak mahupun pelajar asing sendiri sebagai kursus biasa, namun ia sangat memberi impak pada kreativiti, keyakinan dan nilai tambah kepada pelajar apabila boleh berbahasa asing, bahkan menjadi satu aspek istimewa jika berjaya fasih dalam bahasa Melayu. Di sinilah peranan guru dan tenaga pengajar bagi menggunakan kaedah dan kandungan yang betul dan sentiasa memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran dari masa ke masa. Guru yang yakin, mempunyai kepercayaan yang tinggi, bermotivasi, sentiasa mahu memperbaiki kaedah pengajaran serta memahami kaedah yang betul mengajar bahasa Melayu kepada penutur asing sudah tentu melahirkan pelajar seperti yang diharapkan sekali gus menyumbang pada pemartabatan bahasa Melayu di pelusuk dunia.

Bibilografi

- Alhaadi Ismail dan Norimah Zakaria. Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(3), 2019: 23 – 30.
- Cho Minsung dan Puteri Roslina Abdul Wahid. Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing: Strategi Komunikasi dalam kalangan Pelajar Korea di HUFS (*Hankuk University of Foreign Studies*). *Jurnal Pengajian Melayu*. Vol 24 No 1 (2013).
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development* (Vol. 1). Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Hasmidar Hassan, Mardian Shah Omar dan Puteri Roslina Abdul Wahid. “Kecelaruhan Morfologi oleh Penulisan Bahasa Melayu untuk Penutur Asing.” *Jurnal Linguistik*. Vol.22(22), Disember 2018 (020-036).
- Junaini Kasdan, Yusmaniza Mohd Yusoff, Norhashimah Jalaluddin dan Hasnah Mohamad. “Pembangunan Kit Video Pembelajaran Bahasa Melayu Penutur Asing Berteraskan Budaya”. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. Jilid 9, 2018/ ISSN 1823 6812 (144-157).
- Mardian Shah Omar, Azman Rahmat dan Yusfarina Mohd Yussof. (2017). “Menyulam Budaya dalam Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing.” *Jurnal Linguistik*. Vol. 21 (2), Disember 2017 (081-092).
- Mardian Shah Omar & Mashrom Muda. (2019). Kemahiran Komunikasi Penutur Asing: Aplikasi Pendekatan Telefon Pintar dan Internet. *Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 353-367.
- Mazlina Ahmad. (2021). *Perkemas Kursus Bahasa Melayu untuk Pelajar Asing*. 11 Mac 2021. Berita Harian.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Noor Zuhidayah Muhd Zulkifli dan Siti Saniah Abu Bakar Saniah. *Motivasi Pelajar dalam*

- Mempelajari Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing*. Julai 2018. Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu kali Kelima di Tashkent, Uzbekistan
- Norliza Jamaluddin. (2009). Kriteria Penggolongan Kata. *Jurnal Pengajian Umum*. Bil. 9. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Saniah Abu Bakar, 2013. Kekangan pelajar asing dalam menggunakan kemahiran bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. ISSN: 2180-4842. Vol. 3, Bil. 1 (Mei 2013): 52-62.
- R. Kunjana Rahardi Yuliana Setyaningsih, Rishe Purnama Dewi dan Danang Satria Nugraha (2020). *Depicting Intralinguistic and Extralinguistic Contexts to Generate Communicative Skills to Foreign Speakers of the Indonesian Language. Proceedings of the 2nd Konferensi BIPA Tahunan by Postgraduate Program of Javanese Literature and Language Education in Collaboration with Association of Indonesian Language and Literature Lecturers, KEBIPAAN*, 9 November, 2019, Surakarta, Central Java, Indonesia.
- Roblyer, M. D., & Schwier, R. (2003). Integrating educational technology into teaching (Canadian ed). Toronto: Prentice Hall.
- Rohaidah Kamaruddin, Nurul Ain Ahmad, Mastura Kamaruddin dan Zuraini Seruji. (2018). Attitudes as Extra Linguistic Factor in Learning Second Language. Among Foreign Students in 5 Universities in Malaysia. *International Journal of Asian Social Science*. Vol. 8, No. 3, 116-123.
- Roslina Mamat, Roswati Abdul Rashid dan Rokiah Pae. Frasa dalam Anime yang Memberi Impak kepada Pelajar Universiti Awam, Malaysia. *Jurnal Linguistik Vol.25(1) Mei 2021 (037-049)*.
- Yahya Othman. (2007). Aplikasi Komputer dalam Pengajaran Bahasa: Penguasaan Guru dan Kekangan dalam Pelaksanaan. *1st International Malaysian Educational Technology Convention*. Universiti Putra Malaysia.
- Zaliza Mohamad Nasir (2015). Penguasaan Tatabahasa dalam kalangan Pelajar Antarabangsa. Tesis. Penerbit: Universiti Putra Malaysia.
- Zeckqualine Melai dan Dayang Nurlisa Abang Zainal Abidin. Pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Asing: Analisis Pola Kesalahan Tatabahasa Dalam Penulisan. *Issues in Language Studies (Vol 9 No 1, 2020)*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

Biodata Penulis

Juwairiah Osman ialah Guru Bahasa Melayu di Jabatan Bahasa Asing, Pusat Bahasa Moden, Universiti Malaysia Pahang (UMP) sehingga tahun 2021. Beliau merupakan koordinator dan pengajar bahasa Melayu untuk penutur asing. Bidang pengajaran beliau yang lain ialah *Soft Skills* untuk pelajar tempatan dan merupakan Pegawai Majlis Debat Universiti Awam Malaysia mewakili UMP. Kini, merupakan pelajar pascasiswazah dan Felo Slab di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Mardian Shah Omar ialah Ketua Jabatan Linguistik dan pensyarah kanan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM). Bidang kepakaran beliau ialah fonetik, fonetik akustik, fonologi, sosiolinguistik dan bahasa Melayu untuk penutur asing. Beliau merupakan Ketua bagi Kursus Bahasa Melayu Komunikasi untuk Penutur Asing. Beliau mempunyai pengalaman yang sangat luas dalam pembelajaran bahasa Melayu kepada penutur asing sama ada di Malaysia mahupun luar negara.